

Dalam usaha merealisasikan matlamat, mengukuhkan kedudukan kewangan rakyat merentas generasi, Permodalan Nasional Berhad (PNB) menerusi anak syarikat milik sepenuhnya, Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) memperkenalkan inisiatif Celik MADANI: Celik Kewangan Belia MADANI.

Objektif inisiatif ini adalah untuk membangunkan tahap celik kewangan generasi masa depan Malaysia, memperkasakan mereka dengan alat kewangan asas agar dapat membuat keputusan kewangan yang termaklum pada masa hadapan.

Dilancarkan pada Minggu Saham Amanah Malaysia pada Ogos 2024, Celik MADANI menyasarkan pelajar baharu di Institusi Pengajian Tinggi awam, swasta dan vokasional yang akan menerima nilai pelaburan permulaan sebanyak RM50 ketika pendaftaran.

Nilai pelaburan percuma RM50 ini adalah hasil sumbangan bersama antara Kerajaan Malaysia dan PNB, yang berjumlah RM50 juta untuk diagihkan kepada satu (1) juta mahasiswa baharu dalam tempoh lima tahun.

Antara IPTA yang terlibat adalah Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Malaya (UM), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), dan Universiti Malaysia Sabah (UMS).

Manakala GLU yang terlibat adalah Universiti Teknologi PETRONAS (UTP), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Multimedia University (MMU), dan Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).



Kesemua IPTA dan GLU terpilih tersebut akan menerima nilai pelaburan percuma RM50 yang akan dikreditkan ke dalam akaun amanah saham Amanah Saham Bumiputera (ASB) atau Amanah Saham Malaysia (ASM) dan dikunci selama 5 tahun. Usaha ini akan memanfaatkan kira-kira 200,000 mahasiswa setahun untuk tempoh lima tahun. Fasa kedua program Celik MADANI akan melibatkan institusi pengajian swasta dan vokasional yang terpilih.



Inisiatif Celik MADANI yang dipelopori oleh PNB ini merupakan komponen utama dalam Program Literasi Kewangan khusus untuk golongan belia di institusi pengajian tinggi, bertujuan meningkatkan kesejahteraan mereka.

Baru-baru ini satu Memorandum Perjanjian (MOA) Program Celik MADANI ditandatangani antara PNB/ASNB, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Universiti Berkaitan Kerajaan (GLU) yang terpilih dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT). Perjanjian lima tahun daripada 1 Mac 2025 hingga 28 Februari 2030 ini akan melibatkan 20 IPTA dan empat GLU di seluruh negara.

Mengapa Mahasiswa perlu menyimpan?

Melihat pada objektif Celik MADANI, ia dirangka khusus untuk pelajar institusi pengajian tinggi dengan fokus menggalakkan golongan muda merancang kewangan mereka pada usia muda agar mereka dapat membuat keputusan kewangan yang lebih termaklum pada masa hadapan.

Mahasiswa tahun pertama berusia awal dua puluhan ini, sewajarnya didedahkan untuk mula merancang masa depan mereka, sama ada untuk kerjaya, keluarga mahu pun membeli hartanah seperti rumah baharu apabila sebaik tamat pengajian.

Pada tahun kedua mereka mungkin sudah mula memikirkan merancang simpanan mereka sama ada daripada wang saku yang diberikan ibu bapa, wang pinjaman atau biasiswa atau mula bekerja secara sambilan untuk menampung kehidupan di universiti, menyimpan untuk objektif peribadi mahupun untuk membantu keluarga.



Dalam usia ini, memiliki pengetahuan dan kemahiran literasi kewangan adalah keperluan penting, terutamanya bagi golongan muda yang sudah mula mempunyai idea-idea mengenai masa depan atau membuat perbelanjaan mudah untuk kelangsungan hidup sebagai mahasiswa.

Kesedaran mengenai simpanan, pelaburan, perancangan persaraan, insurans, pendidikan, pengurusan hutang, dan perancangan keluarga adalah kritikal dan memerlukan pendedahan agar mereka lebih bersedia menghadapi cabaran kewangan apabila memasuki alam pekerjaan dan dunia dewasa sebagai individu yang matang, bagi menunaikan impian dan perancangan mereka itu.

Justeru, adalah penting mempersiapkan golongan ini dengan bimbingan dan ilmu pengurusan kewangan yang betul untuk membangunkan tahap celik kewangan mereka.

Sikit-sikit menjadi bukit

Menerusi inisiatif Celik MADANI, ASNB mempunyai komitmen untuk menyediakan peralatan bimbingan agar kelompok pilihan ini mempunyai informasi dan simpanan yang sewajarnya apabila melangkah ke alam kerjaya dan seterusnya.

Walaupun hanya dengan sumbangan asas RM50 sebagai permulaan simpanan, sekiranya seseorang mahasiswa pintar mengurus dan konsisten dalam merancang sasaran simpanan, mahasiswa tersebut boleh membuat simpanan terkumpul lebih RM10,000 dalam tempoh 10 tahun.

Dengan pelaburan permulaan RM50 dan amalan menyimpan secara konsisten, pelajar boleh melihat pertumbuhan simpanan mereka dalam jangka masa 5 hingga 10 tahun sekiranya tidak membuat sebarang pengeluaran. Sebagai contoh, jika pelajar membuat pelaburan tambahan RM20 setiap bulan semasa tempoh pengajian mereka (4 tahun) dan meningkatkan simpanan kepada RM100 setiap bulan selepas mula bekerja, mereka boleh mengumpul jumlah yang signifikan. Jika diandaikan pulangan dividen sepanjang tempoh itu adalah sebanyak 5.5% setahun*, simpanan mahasiswa boleh berkembang dengan ketara, memberikan mereka asas kewangan yang kukuh seterusnya menyakin serta menyediakan mereka untuk menghadapi apa juga keadaan. **(Nota: Pulangan simulasi setahun adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan bukan menunjukkan prestasi masa hadapan)*

Matlamat PNB dan ASNB, mengukuh kedudukan kewangan rakyat merentas generasi adalah seiring dengan hala tuju Kerajaan untuk menyediakan kehidupan berkualiti kepada rakyat. Selain membimbing dan menyediakan platform pelaburan yang terjamin, Celik MADANI menepati aspirasi Ekonomi MADANI: Memperkasa Rakyat, menaikkan lantai untuk mengangkat semula darjat rakyat.

Celik MADANI bukan sahaja memberikan impak positif kepada individu, tetapi juga meninggalkan kesan jangka panjang untuk mengukuhkan tahap kehidupan golongan pelapis negara dan menyumbang kepada kestabilan sosioekonomi keluarga dan juga negara.